

24/10/2001

Pencen balu kahwin semula ambil masa

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan akan meminda Akta Pencen 1980 terlebih dahulu sebelum penguatkuasaan pemberian pencen kepada balu yang berkahwin semula boleh dilaksanakan.

Ini kerana mengikut Akta Pencen 1980, seorang balu akan kehilangan pencennya jika berkahwin semula.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Hasniah Rashid berkata, pindaan undang-undang biasanya mengambil masa yang lama, justeru penguatkuasaan pemberian pencen itu masih belum diketahui.

Beliau berkata, butiran terperinci mengenai kelayakan serta syarat untuk pemberian itu juga masih dalam kajian.

"JPA juga masih belum mendapat maklumat lanjut mengenai penguatkuasaan pemberian pencen kepada balu yang berkahwin semula daripada Kementerian Kewangan," katanya ketika dihubungi Berita Harian, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai pemberian pencen kepada balu yang berkahwin semula seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Belanjawan 2002, minggu lalu.

Dalam Belanjawan itu, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, balu yang berkahwin semula layak menerima pencen.

Hasniah berkata, JPA sedang mengumpul maklumat mengenai balu yang layak menerima pencen selepas berkahwin semula bagi memudahkan kerja penyelenggaraan apabila ia dikuatkuasakan nanti.

Katanya, walaupun butiran mengenai pelaksanaannya masih belum diketahui, maklumat dan data mengenai balu akan dikumpulkan.

Mengulas kemungkinan kemudahan pemberian pencen kepada balu diterima oleh duda, Hasniah berkata, mengikut Akta Pencen 1980, duda memang layak menerima pencen walaupun berkahwin semula.

Sementara itu, beliau berkata, pelarasan gaji kakitangan awam sebanyak 10 peratus hanya membabitkan pesara bukannya penerima pencen.

Lazimnya, penerima pencen iaitu balu, duda atau waris tidak terbabit dalam pelarasan pencen.

Semalam, Presiden Cuepacs, Datuk N Siva Subramaniam dilaporkan berkata, seramai 440,000 pesara kerajaan akan turut menikmati pelarasan pencen pada kadar 10 peratus.

Menurut beliau, pelarasan itu selaras dengan kenaikan gaji 10 peratus kakitangan awam yang diumumkan Dr Mahathir dalam Belanjawan 2002, di Dewan Rakyat, Jumaat lalu.

Pelarasan untuk pesara itu membabitkan perbelanjaan kerajaan kira-kira RM500 juta setahun.

(END)